



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
Tel : 06-798 8182/8183/8184 Faks : 06-7988244

Tarikh : 23 Syawal 1434H/ 30 Ogos 2013

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kepada,

Y. Bhg. Prof Madya Dr Wan Mohd Azam Mohd Amin.

Department of Usuluddin & Comparative Religion

Kulliyah of IRKH, IIUM.

UNDANGAN SEBAGAI KEY NOTE SPEAKER DALAM "SEMINAR KEBANGSAAN PENGAJIAN AKIDAH DAN AGAMA 2013" KALI KE TIGA (SIGMA 3)

Sukacitanya dimaklumkan bahawa Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan **Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah Dan Agama 2013 (SIGMA 3)** yang akan diadakan seperti butiran berikut :

Tarikh: 28 September 2013 (Sabtu)

Masa: 8.00am – 5.30pm

Tempat: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Nilai, N. Sembilan.

Tema: Isu-Isu Akidah dan Perbandingan Agama di Tanah Melayu.

2. Sehubungan dengan itu dengan sukacitanya kami menjemput Y. Bhg Prof sebagai salah seorang keynote speaker dalam seminar ini. Tajuk yang dicadangkan untuk Y. Bhg Prof bentangkan adalah "**Ajaran-Ajaran Sesat di Malaysia**", atau yang berkaitan dengannya.

3. Pihak kami amat berbesar hati jika Y. Bhg Prof sudi menerima undangan ini. Disertakan juga tentatif program untuk perhatian pihak Y. Bhg. Prof. Sebarang maklumat lanjut bolehlah Y. Bhg Prof berhubung dengan pihak kami.

Sekian, Wassalam.

Yang menjalankan tugas,

Yuseri bin Ahmad

Penyelaras,

Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2013
(0196139515, yuseri@usim.edu.my)

AJARAN-AJARAN SESAT DI MALAYSIA.¹

Dr. W. Mohd Azam bin Mohd Amin²

Kertas kerja ini membincangkan ajaran-ajaran sesat di Malaysia dengan menyoroti beberapa ide-ide kumpulan-kumpulan di era klasik, moden, pasca moden dan sinkritisme. Definisi, asas ajaran-ajaran, kritikan-kritikan dan pengaruh kumpulan-kumpulan ajaran sesat juga dibincangkan dengan membuat kajian secara pendedahan dan analisa kritis terhadap penulisan-penulisan para pendokong, pengkaji dan pengkritik yang tersedia ada. Hasil dari analisa ini menunjukkan bahawa ajaran sesat sememangnya bertapak di Malaysia tidak kira samada mereka dari era klasik, moden dan pasca moden, atau sinkritisme dan telah menggugat keharmonian umat Islam di Malaysia.

Pengenalan

Ajaran sesat adalah satu fenomena yang mengancam keharmonian masyarakat Islam di Malaysia dewasa ini. Agak sukar untuk mendefinisikan istilah ajaran sesat ini kerana setiap ajaran tersebut adalah berbeza dari segi sifat semulajadinya, upacara, latarbelakang dan asal usulnya.³ Hal ini juga berlaku pada agama-agama lain seperti Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain lagi. Oleh sebab itu para cendekiawan berbeza pendapat dalam memberi takrif kepada ajaran sesat.

Malaysia yang terdiri daripada 60% orang Islam dan majoritinya bangsa Melayu, dan selebihnya 40% terdiri dari penganut agama Kristian, Hindu, Buddha, Sikh, kepercayaan orang asli dan lain-lain lagi. Mereka terdiri dari bangsa Cina, India, Siam, dan lain-lain kumpulan etnik. Islam sebagaimana termaktub dalam perlembagaan Malaysia adalah agama persekutuan,⁴ di samping penganut agama-agama lain dibenarkan beramal dengan agama mereka.

Kertas kerja ini akan menumpukan ajaran sesat yang berkaitan dengan masyarakat dan agama Islam di Malaysia.⁵ Majoriti masyarakat Islam Melayu yang berpegang kepada madhhab Shafi'i dari segi *fiqh*, dan *ahl al-sunnah wa al-jama'ah*⁶ dari segi 'aqidah teologi, menggunakan banyak istilah terhadap fenomena ini seperti 'Ajaran Sesat', 'Pencemaran 'akidah' dan lain-lain lagi.

Definisi

Cendekiawan Melayu seperti AbdulFatah Haron⁷, Abdullah bin Wahab⁸ dan Abdullah Fahim⁹ menamakan fenomena ini sebagai '*ajaran sesat*.' Sementara itu seorang lagi tokoh iaitu O.K. Rahmat, menggunakan istilah '*Pencemaran Akidah*,' merujuk kepada fenomena yang sama. Tidak banyak perbincangan secara terperinci terhadap asal usul

definisi yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan tetapi mereka menyenaraikan dan membincangkan isi kandungan ajaran-ajaran yang menyeleweng dari agama Islam. Analisa terperinci terhadap penulisan tokoh-tokoh ini menunjukkan apa-apa ajaran yang menjuruskan kepada amalan syirik (*shirk*) kepada Allah adalah ajaran sesat. Hal ini adalah kerana ia bertentangan dengan ajaran *tawhid* (mengiktiraf Allah adalah esa).¹⁰

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),¹¹ sebuah badan kerajaan yang bertanggung jawab dalam hal ehwal Islam di Malaysia telah merumuskan definisi ajaran sesat sebagai:

“sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam yang berdasarkan al-Qur’an dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran ahli Sunnah wal jamaah”.¹²

Definisi ajaran sesat ini ini agak luas dari segi skopnya dan terdapat banyak ciri-ciri utama yang dapat dirumuskan. Salah satu ciri ialah ajaran sesat dibawa oleh satu individu, atau kumpulan, mempunyai ketua atau tidak mempunyai ketua. Ciri yang lain adalah pembawa ajaran tersebut boleh jadi orang Islam atau bukan Islam. Ajaran atau amalan yang dibawa adalah bukan ajaran Islam atau ajaran-ajaran dan amalan-amalan campuran dari agama-agama lain. Ciri seterusnya ialah ajaran atau amalan bertentangan dengan ajaran Islam sebagaimana termaktub dalam al-Qur’an, Sunnah, dan usul-usul ajaran *ahl al-sunnah wa al-jama’ah*, tetapi mendakwa ajaran dan amalan tersebut datang dari sumber-sumber di atas. Itulah beberapa ciri yang penting dalam definisi ajaran sesat yang rasmi. Definisi ini mencakupi istilah ‘pencemaran aqidah’ yang digunakan oleh O.K. Rahmat dan juga oleh tokoh-tokoh lain. Definisi ini juga merangkumi tiga dimensi utama dalam tasawwur Islami iaitu ‘*aqidah*, *shari’ah* dan *akhlaq* yang tersirat dalam definisi ini.

Walaupun bagaimanapun tidak ada skop yang ditetapkan terhadap tiga aspek dalam definisi tersebut. Melihat kepada amalan yang diguna pakai penekanan lebih diberikan kepada aspek akidah terutama dalam isu yang berkaitan dengan syirik, penafian kewujudan tuhan atau mengaku menjadi tuhan, menolak konsep kenabian, penyatuan diri dengan tuhan dan para nabi-nabi.¹³ Dengan kata lain, istilah ‘ajaran sesat’ merujuk kepada ajaran-ajaran dan amalan yang menghakis atau menafikan doktrin ‘*aqidah tawhid yang menjurus kepada murtad*’.

Klasifikasi dan Skop

Pemikir-pemikir di dunia barat seperti P. Clarke dan lain-lain lagi¹⁴ telah menggunakan istilah *New Religious Movement* (NRM) untuk merujuk kepada fenomena yang sama. Walau bagaimana pun mereka memasukkan semua gerakan-gerakan Islam seperti *al-ikhwan al-muslimin* di Mesir, gerakan Deobandi di India, gerakan Jamati Islam di Pakistan ke dalam kategori NRM. Walau bagaimana pun JAKIM menjadikan al-Qur'ân, Sunnah dan asas-asas akidah *ahl al-sunnah wa al-jama'ah* sebagai criteria yang menentukan cirri-ciri ajaran sesat. Oleh sebab itu gerakan-gerakan Islam di Malaysia seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM),¹⁵ *Jama'ah Islah* Malaysia (JIM),¹⁶ dan beberapa gerakan Islam di Indonesia, Mesir, Pakistan dianggap tidak bertentangan dengan dengan agama Islam. Hal ini disebabkan oleh gerakan-gerakan ini cuba menjalankan methodology dan pendekatan baru dalam dakwah Islam di seluruh dunia. ABIM dan IKRAM dan lain-lain lagi dianggap sebagai pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sah di sisi undang-undang kerajaan Malaysia. Sebaliknya kumpulan seperti *anti-hadith*¹⁷ dianggap sebagai '*Ajaran Sesat*' oleh kerajaan Malaysia.

Pembahagian NRM di barat berbeza mengikut para pemikir di sana conthnya R. Wallis, telah mengkategorikan kepada tiga jenis. Yang pertama, kumpulan yang menolak keduniaan. Yang kedua kumpulan yang menerima keduniaan dan yang ketiga ialah kumpulan keduniaan semata-mata.¹⁸ Stark dan Bainbridge yang mengkaji jenis-jenis kultus (*cult typologies*), mengenal pasti tiga jenis kultus mengikut kesetiaan terhadap organisasi dan pulangan yang dijanjikan kepada pengikut-pengikut mereka. Yang pertama adalah kultus jenis pendengar, dan diikuti dengan kultus jenis pelanggan (*client cult*), dan yang ketiga adalah jenis keahlian dalam organisasi (*cult movement*).¹⁹

Para pengkaji tempatan juga telah membahagikan ajaran-ajaran sesat kepada beberapa jenis mengikut sifat dan ciri-ciri yang ada pada mereka. Walau bagaimana pun pembahagian ini bukanlah bersifat mutlak tetapi lebih bersifat 'garis panduan'. Hal ini berlaku kerana terdapat beberapa ajaran sesat yang mempunyai ciri-ciri tasawwuf dan juga mistik. Abdullah Fahim dalam kajiannya terhadap lebih dari 20 kumpulan ajaran sesat²⁰ telah membahagikan mereka kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan berasaskan *tasawwuf* (Sufism), yang kedua, *bebas* (neutral), dan *Mistik* (*mystical*). 17 kumpulan disenaraikan di bawah kategori *tasawwuf* kerana mendakwa mereka adalah dari kumpulan tasawwuf dan tarikat tetapi mempunyai unsur-unsur penyimpangan dari ajaran dan amalan asal kumpulan

tarikatan dan tasawwuf. 2 kumpulan disenaraikan bawah ‘mistik’ kerana mempercayai kuasa mistik dan ajaib boleh diaktifkan dari dalam tubuh mereka jika amalan-amalan tertentu dibuat. Kumpulan-kumpulan ini berpegang bahawa perpindahan ruh orang yang telah mati boleh berlaku di dunia ini. Ruh para nabi dan rasul, Sahabat Nabi Muhammad (S.A.W), para wali boleh memasuki badan seseorang. Dalam kes kumpulan *Darul Arqam* dan ajaran *Taslim*, mereka boleh dimasukkan kedalam kategori *tasawwuf* dan juga mistik. Ada 6 kumpulan dikategorikan sebagai ‘neutral’ kerana mereka tidak termasuk di dalam kumpulan *tasawwuf* atau ‘mistik.’

Pembahagian ajaran-ajaran sesat ini boleh juga dibahagikan dari sudut lain, iaitu dari segi ketaatan terhadap ketua. Pertama, hubungan di antara seseorang dengan seseorang yang lain di mana ajaran dan amalan dijalankan sendiri atau dalam kumpulan kecil tanpa seorang ketua yang karismatik. Amalan seperti perubatan dan rawatan tradisional yang melibatkan jin, sihir, seni mempertahankan diri yang melibatkan makhluk jin seperti yang diamalkan oleh kumpulan *al-Ma‘unah*²¹ boleh dimasukkan dalam kategori ini.

Kategori yang kedua adalah kumpulan yang mendakwa mereka adalah kumpulan Islam, biasanya diketuai oleh ketua yang berkarisma dan menjadi tokoh yang disanjung dalam kumpulan tersebut. Terdapat lebih kurang tiga puluh kumpulan seumpama ini samada aktif atau pun tak aktif di Malaysia. Kumpulan Darul Arqam, Taslim dan Ikatan Tajalli boleh dimasukkan dalam kategori ini. Salah satu ciri penting bagi kategori ini ialah nama kumpulan diberikan dalam bahasa Arab demi memperagakan identiti keislaman mereka.

Kategori yang ketiga ialah Sinkretisme di mana sesebuah kumpulan diketuai oleh seorang ketua yang berkarisma dan disanjung oleh pengikut-pengikutnya. Mereka pada asalnya beragama Islam tetapi menjadi murtad dan menubuhkan satu agama baru yang tidak condong kepada mana-mana agama. Mereka mencampur adukkan ajaran-ajaran dari pelbagai agama. Kategori ini lebih menepati konsep NRM di negara-negara Barat. Contoh bagi kumpulan-kumpulan ini adalah seperti Syi’ah *ghulat*, Ayah Pin, Qadiani, Bahaism, Sikhism dan lain-lain lagi. Walau bagaimana pun Bahaisme dan Sikhisme telah mengisytiharkan keluar dari Islam dan membentuk agama baru.

Dalam kertas kerja ini penulis lebih cenderung untuk membahagikan ajaran sesat dalam masyarakat Islam di Malaysia kepada aspek pengaruh dari dua period masa iaitu pengaruh era klasik, era modern dan pasca modern. Sementara proses sinkritisme boleh berlaku tanpa mengira period masa. Period era klasik dalam penulisan ini merujuk kepada

era para Sahabat yang bermula dari kewafatan Nabi s.a.w (10H/632M) sehingga lah zaman moden (1600M-1900M) dan seterusnya zaman pasca moden (1900M) hingga sekarang. Sementara itu sinkritisme dalam pembahagian ini adalah sama dengan penggunaannya sebelum ini iaitu campuran diantara agama-agama di dunia atau kepercayaan sesautu tempat tanpa mengira period masa.

Pengaruh Era Klasik

Selepas kewafatan Rasulallah (s.a.w), telah muncul beberapa kumpulan murtad atau sesat seperti Musailamah (10H/632M) yang mendakwa menjadi nabi, golongan yang tidak mahu membayar zakat dan lain-lain lagi sebagaimana tercatat dalam sejarah Islam. Di era Khalifah al-Rashidin pula telah muncul kumpulan yang mentaqdis dan mempertuhankan Sayidina ‘Ali b. Abi Talib. Kumpulan ‘Abd Allah ibn Saba’ ini dikenali dengan nama *Syi’ah Ghulat* atau *Saba’iyyah*. Nama ‘Abd Allah ibn Saba’ ini wujud di akhir zaman ‘Umar al-Khattab (634-644M), ‘Uthman ibn ‘Affan (644-656M), ‘Ali ibn Abu Talib (656-661M), Mu‘awiyah bin Abu Sufyan (mati 680M). Selain dari mempertuhankan ‘Ali, tidak banyak diketahui tentang doktrin kumpulan Syi’ah ghulat ini. Selepas kewafatan ‘Ali, muncullah kumpulan-kumpulan kecil Syi’ah yang berasingan dari Syi’ah ghulat yang asal contohnya Kaysaniyyah,²² dan Zaydiyyah.²³ Mereka pada asasnya menjadikan doktrin *Imamah* sebagai lebih utama dari jawatan *khalifah*. Sementara itu selepas era Ja’far al-Sadiq (80H/699M-148H/765M) lahirlah kumpulan-kumpulan kecil dari anak cucunya seperti Isma‘iliyyah, Aftahiyyah, Sumatiyyah. Seterusnya selepas Hassan al-‘Askari (232/846-260/874) dan Muhammad al-Mahdi (ghaib264H/ 878M) lahirlah pula kumpulan *Ithna ‘asyriyyah*, *Nusayriyyah*²⁴ dan lain-lain lagi yang mempunyai unsur mentaqdis dan mempertuhankan Sayidina ‘Ali sebagaimana Syi’ah *ghulat*.

Apa yang dapat difahami dari doktrin kumpulan ini adalah terdapat 3 entiti dalam 1 tuhan. *Allah* (Tuhan yang Esa), *Nur Muhammad* atau *Haqiqat Muhammad* (‘aqal Tuhan yang Esa), dan juga *Nur Allah* (aktiviti berfikir dalam ‘aqal Tuhan yang Esa). Kadang-kadang *Nur Muhammad* dan *Nur Allah* bersatu dan tidak dibezakan. Perlu diingatkan bahawa *Nur Muhammad* atau *Haqiqat Muhammad* ini bukanlah Nabi Muhammad (S.A.W) tetapi merupakan entiti sebahagian dari Tuhan yang Esa.

Doktrin trinititi ini dapat dikesan paling awal dari penulisan tokoh Syi’ah yang bernama al-Kulayni (mati 327H/939M) menukil dari salah seorang imam mereka:

“Allah yang maha kuasa berkata: “Muhammad, Aku telah menjadikan engkau dan Ali, satu ruh tanpa jasad, sebelum aku menciptakan langit, bumi dan ‘arsy Ku, dan kamu tidak berhenti-henti bertasbih terhadap Ku . Kemudian Aku kumpulkan ruh kamu menjadi satu, dan kamu terus menerus mentaqdis dan bertakbir kepada Ku. Aku pecahkan ruh kamu yang satu menjadi dua; dan yang dua itu menjadi lagi dua, lalu mereka menjadi empat ruh: salah satu menjadi (nabi) Muhammad, satu menjadi Ali, satu menjadi al-Hasan dan yang terakhir menjadi al-Husayn”. Kemudian Tuhan menjadikan Fatimah daripada Nur ilahi dengan tanpa jasad. Dan Tuhan menggosok Imam-imam dengan tangan kananNya, dan Nur Allah menerangi menerusi kami semua (Imam-imam).²⁵

Sementara itu Baha’uddin al-Amuli (mati 1392M) juga bercakap tentang konsep yang sama iaitu *haqiqat Muhammadiyyah*. Dia menyifatkan bukan sahaja ahli keluarga nabi Muhammad berpunca dari satu jiwa iaitu hakikat Muhammadiyyah tetapi juga menyatakan bahawa Ali dan nabi Muhammad juga mempunyai jiwa yang sama. Al-Amuli menukil beberapa petikan untuk menguatkan hujahnya bahawa Muhammad dan Ali telah wujud bersatu dalam satu hakikat sebelum kejadian alam “Aku dan Ali adalah dari Nur (Muhammad) yang sama” dan juga “Aku adalah wali Allah ketika Adam masih lagi di antara air dan tanah”.²⁶

Nur Ilahi atau *Nur Muhammadiyyah* inilah yang di masukkan ke dalam Nabi Adam dan ia bertukar-tukar tubuh para nabi dan rasul sehinggalah nabi Muhammad, Ali dan seterusnya para Imam mereka. Untuk menguatkan hujjah ini mereka merujuk para imam mereka dengan mentakwilkan dan menggunakan dalil ayat al-Qur’an.²⁷ Konsep trinititi ini adalah dipercayai terpengaruh dengan falsafah Neo-platonism yang dipelopori oleh Plotinus (204-270 M). Aliran ini sebenarnya membawa idea falsafah metafizik Plato dengan membuat sedikit pengubahsuaian. Di antara doktrin-doktrin Plato yang diamalkan dan diubahsuai oleh kumpulan ini adalah terdapat tiga entiti dalam alam ini iaitu Yang Esa (*the One*), *Ruh (Nous, Mind, Logos)* dan jiwa (*Soul*). Ketiga-tiga entiti ini tidak sama di antara satu sama lain namun mereka berasal dari satu sumber iaitu Yang Esa.²⁸

Jikalau diperhatikan nukilan-nukilan di atas jelas menunjukkan bahawa idea-idea yang mengatakan penyatuan manusia dengan tuhan, imam maksum, Imam Mahdi, status Imam lebih tinggi dari nabi, *kashf* dan lain-lain lagi adalah implikasi dari idea Neo-Platonism yang berasal daripada falsafah Yunani. Idea ini dipelajari oleh orang-orang Yahudi, dan kemudian menyerap masuk ke dalam agama Kristian melalui Plotinus dan kemudiannya menyerap masuk ke dalam Islam melalui puak Syi’ah ghulat termasuk Isma’iliyyah, Ithna ‘asyriyyah atau Imamiyyah, Nusayriyyah dan puak-puak pecahannya. Huraian-huraian di atas menunjukkan sinkritisme agama telah berlaku di antara Kristian dan Syiah ghulat. Dari Syiah

Imamiyyah lahir pula kumpulan Baha'iyah yang telah mengisytiharkan diri membentuk agama baru yang bebas dari agama Islam di abad ke 19M.

Pengaruh Neo-Platonisme, Syi'ah di Alam Melayu.

Sementara itu pengaruh Neo-platonisme menyerap masuk ke alam Melayu melalui Syi'ah ghulat apabila pada zaman Khalifah al-Ma'mun(170H/786M-218H/833M), satu daripada golongan ini, iaitu Sumatiyyah yang diketuai oleh Muhammad al-Dibaj telah melarikan diri ke Perlak, Indonesia. Manuskrip yang tertua dijumpai di rantau ini adalah *al-Bahr al-lahut* sedikit sebanyak membawa ajaran Syiah ghulat melalui tasawwuf *wujudiyah*.

Apabila masuk ke alam Melayu, *Nur* atau *hakikat Muhammadiyyah* ini diolah mengikut cara pemikiran orang Melayu. Digambarkan bahawa Nur Muhammad ini pernah mencabar Tuhan untuk beradu kekuatan. Apabila dia kalah dan terdesak, peluh yang keluar darinya membentuk kejadian-kejadian lain di alam ini,²⁹ termasuk malaikat, manusia, padi, beras dan lain-lain lagi.³⁰ Begitulah konsep Nur Muhammad yang difahami dalam ajaran sesat di Malaysia dan sekitarnya. Setiap ajaran sesat di Malaysia tidak terlepas daripada penghuraian tentang hakikat Muhammad yang mempunyai persamaan yang ketara dengan ajaran Neo-Platonisme dan Syi'ah ghulat.

Selari dengan ajaran Neo-Platonisme juga konsep Imam Mahdi juga amat popular di kalangan orang Melayu walau pun asas konsep ini tidak wujud dalam al-Qur'an.³¹ Konsep Mahdi yang hanya wujud dalam hadith-hadith ini menjadi doktrin akidah di kalangan penganut Syiah.³² Tambahan lagi Syiah memasukkan unsur ketuhanan dari konsep Nur Allah ke dalam personaliti Mahdi lantas membuatkan imam Mahdi dan nenek moyangnya maksum, mempunyai karamah, statusnya menyamai nabi, Mahdi juga dikatakan menerima wahyu dan akan membawa Quran yang paling sempurna di akhir zaman, *ghayb*, boleh dihubungi melalui mimpi, atau dalam keadaan jaga, *kashf* dan *laduni*,³³ dan lain-lain lagi. Kesemua ciri-ciri ini wujud dalam sebahagian besar ajaran-ajaran sesat di Malaysia. Beberapa ajaran sesat di Malaysia yang mempunyai ciri neo-Platonisme dan Syiah Ghulat adalah seperti Darul Arqam, Taslim, Ikatan Tajalli, Tarikat Nur Zaman Imam Madi, ajaran Crypto, Subud, Ayah Pin, al-Ma'unah, Rasul Dahri, dan lain-lain lagi.

Pengaruh Era Moden (1600M-1900M) Dan Pasca Moden (1900M-)

Terdapat ajaran-ajaran sesat di Malaysia yang terpengaruh dengan aliran dan tren falsafah yang tidak se aliran dengan ajaran Islam di era moden dan pasca moden. Era moden diwarnai

oleh sekularisme dan revolusi saintifik yang meminggirkan agama, wahyu dan nilai-nilainya dalam menjalani kehidupan seharian. Faham ini juga menitik beratkan sesuatu kebenaran itu mesti diasaskan atas dasar kajian saintifik terhadap ‘*material*’ yang mempunyai berat, isi padu, jumlah, rasa dan lain-lain lagi. Kesemua ciri-ciri ini boleh dikaji di dalam makmal. Sesuatu yang bukan ‘*material*’ adalah tidak saintifik dan mesti ditolak. Oleh itu ilmu dan pengetahuan yang datang dari tradisi agama dianggap tidak saintifik dan disama tarafkan dengan mitos, tahyul, magik dan lain-lain lagi. Ini adalah disebabkan oleh pengetahuan jenis ini tidak diasaskan kepada kaedah pemerhatian, pengumpulan data, analisa dan eksperimen di makmal. Kemuncak dari proses sekularisme ialah apabila seorang ahli falsafah German, Fredrick Nietzsche (m.1900) mengisytiharkan tuhan telah mati (*God is dead*) lantas meruntuhkan (*de construct*) nilai-nilai yang diasaskan oleh agama. Sebaliknya akal semata-mata dan sains yang mencirikan era modenisme mampu menangani masalah-masalah manusia sejagat bukan lagi wahyu dan agama.³⁴

Selepas dari era moden, lahirlah pula era pasca moden yang menolak segala bentuk dakwaan kebenaran yang diasaskan oleh agama, modenisme dan lain-lain lagi. Falsafah *post-modernism* (pasca moden) mempunyai bermacam-macam tren seperti aliran *de constructionism* dalam agama Kristian, Structuralism, Relativism dan lain-lain lagi. Falsafah ini adalah kemuncak dari proses sekularisasi yang wujud dalam agama Kristian.

Walaupun Nietzsche bukanlah pengasas aliran *de construction* namun beliau merupakan titik tolak bermulanya penolakan total terhadap peranan wahyu dan agama dalam kehidupan manusia. Justeru lahirlah aliran-aliran atheis yang berbagai dan bermacam ragam seperti Komunisme, Liberalisme, Marxisme dan lain-lain lagi. Tokoh *De Constructionism* yang prolifik dan masyhur ialah Jacques Derrida, berbangsa Perancis. Beliau mempunyai pandangan tersendiri terhadap konsep bahasa dan simbol.

Seorang lagi tokoh prolifik *post-modernism* ialah Jean-François Lyotard yang terkenal dengan teorinya tentang *legitimate myth* dan *grand narrative* begitu berpengaruh sekali dalam budaya dunia Barat. Mengikutnya ilmu-ilmu agama dan juga sains moden tidak boleh dipakai lagi kerana mereka adalah satu mitos yang *sahih (legitimate myth)* dan penceritaan-penceritaan (*narratives*) yang disahkan oleh satu kumpulan manusia. Oleh itu seseorang tidak perlu mengikut mitos dan penceritaan tersebut dalam mencari kebenaran. Contohnya ungkapan “sains mampu mencari kebenaran yang hakiki” atau “agama mampu memberikan kebahagiaan yang sejati” adalah satu bentuk mitos yang disahihkan oleh sekumpulan manusia

sahaja tetapi diterima pakai sebagai satu kaedah umum yang perlu diikuti. Bagi Lyotard seseorang tidak perlu mengikuti kaedah tersebut kerana ia adalah *legitimate myth* dan *narrative* yang tidak semestinya menghasilkan natijah yang diharapkan iaitu kebenaran. Oleh itu segala mitos-mitos yang dihasilkan oleh sains dan *narrative* yang dihasilkan oleh agama dan pemikiran modenisme seperti perbincangan tentang jiwa, pembebasan pekerja, pengumpulan harta sebanyak mungkin masyarakat tanpa kelas telah hilang kredibiliti dan perlu ditolak.

Agama-agama dunia termasuk agama budaya dan samawi juga termasuk dalam istilah *meta-narrative* atau *grand narrative*. Dalam salah satu definisi *post-modernism* yang diberikan oleh tokoh-tokohnya ialah “*incredulity towards meta-narrative*” atau kesangsian terhadap agama (*meta-narrative*) menjelaskan lagi tentang penolakan total terhadap peranan agama dan wahyu.³⁵ Lantas menolak setiap nilai-nilai agama yang ada di dunia ini dan membenarkan apa sahaja nilai samada baik atau buruk termasuk kesyaitanan untuk diamalkan oleh manusia. Kalimah ‘kebenaran’ adalah relatif sifatnya dan tidak semestinya berada dalam satu agama, kumpulan atau golongan. Hal ini dilaungkan oleh tokoh-tokoh seperti Jacques Derrida, Jean-François Lyotard, Habermas, Foucault dan lain-lain lagi. Beberapa ajaran sesat yang lahir di era pasca moden adalah seperti aliran muzik metal, pluralisme agama dan lain-lain lagi.

BLACK METAL

Di akhir era 80-an dan di awal 90-an irama muzik aliran Black Metal, Porn Metal, Punk Metal atau Death Metal mula menyerlah. Irama muzik mereka membingitkan tanpa mempunyai nota muzik yang tersusun sebagaimana sebelumnya. Irama ini juga disebut sebagai ‘*alternatives*’, kerana mencari kelainan dari muzik terdahulu. Ia juga dikenali dengan nama ‘*Grunge*’ yang mempunyai tempo yang cepat, memberontak ala *Thrash Metal* dan membingitkan. Kumpulan seperti Nirvana, Cranberries, Sub-Culture dan lain-lain lagi menjadi popular dengan irama ini.³⁶

Aliran ini dipanggil *underground* atau lebih dikenali dengan nama “*Alternative*” atau berselindung di sebaliknya. Aliran muzik ini cuba mencari kelainan dari muzik-muzik terdahulu seperti *Mozart*, *Strauss*, *Bach*, *Bethoveen*, *Pop Rock* dan lain-lain lagi.³⁷ Aliran ini mengubah irama dan rentak muzik di samping memberi kelainan dalam lirik-lirik lagu yang mereka ciptakan.

Pada bulan Mei tahun 2001, Malaysia digemparkan dengan isu Black Metal, yang berlaku di Kedah, sebelum ianya dilaporkan oleh pihak media secara terbuka. Kegiatan-kegiatannya jelas sekali membawa pengaruh anti-keagamaan dan anti-moral, seks bebas dan penyalahgunaan dadah kepada para remaja terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Ternyata, fahaman anti-agama dan anti-moral yang dibawa itu semakin mendapat sambutan masyarakat yang mana pengaruh tersebut kemudian menular di seluruh negeri-negeri utara termasuk Pulau Pinang dan Perlis. Ianya kemudian tersebar di beberapa buah negeri yang lain.

Black Metal yang juga dikenali dengan nama *porn metal*, *punk metal* dan *death metal* adalah cabang muzik Metal yang paing tinggi, keras dan ganas dalam muzik *underground* (muzik yang mempunyai ciri pemujaan syaitan, dadah, dan seks liar), menurut beberapa majalah kumpulan anti-ketuhanan itu. Rentak muzik keras, sebutan sukar difahami dan lirik pemujaan pelbagai nama syaitan, anti-ketuhanan dan keagamaan, bunuh diri, dan seks bebas merupakan elemen-elemen penting yang terkandung dalam lagu Black Metal yang disebarkan ke seluruh dunia, termasuk Malaysia. Tidak cukup dengan muzik, pemuzik dan pengikutnya dikehendaki mengisytiharkan diri murtad, melakukan ritual memuja syaitan, membakar kitab suci dan memberontak terhadap sistem kemanusiaan dan perundangan.³⁸

Pelbagai album Black Metal terutama membabitkan kumpulan pemuzik Amerika Syarikat dan Eropah, diedarkan seluruh dunia termasuk Malaysia. Kumpulan pemuzik itu mengedarkan album, pita video, kaset dan cakera padat, poster, baju T serta majalah atau lebih dikenali sebagai 'zine' untuk peminat aliran muzik itu.

Walaupun lagu Black Metal diharamkan diimport ke negara ini, ia masih dibawa masuk oleh pengedar dan peminat muzik itu yang mendapatkannya melalui pesanan pos atau Internet. Corak muzik Black Metal yang keras dan bingit biasanya sukar diterima oleh peminat bukan aliran *underground*. Manakala lirik lagunya yang dibawa dengan garau, kasar dan menjerit, tidak jelas sebutannya, walaubagaimanapun, bagi pendengar yang kurang faham boleh merujuk liriknya melalui cetakan pada belakang kulit album atau mengunjungi laman web tertentu di *Internet*.

Lirik lagu Black Metal yang menyuntik fahaman anti-ketuhanan kepada pendengarnya sama ada secara langsung atau tidak, biasanya menggunakan ayat pendek dan berulang-ulang. Ia melahirkan pengabdian kepada syaitan seperti Abbadon, Dagon, Lucifer dan Behometh; mencaci tuhan, serta menggunakan perkataan kotor, lucah, keras dan ganas.

Contohnya dalam pita demo Tol Cormpt Norz Norz diterbitkan oleh kumpulan Impaled Nazarene. Dalam lagu *My Blessing (The Beginning of the End)* liriknya menyatakan ‘*Thy souls shall be taken over by the master Sekhmet, It shall be the new age of...Satan!*’

Di Malaysia, kumpulan muzik Black Metal tempatan seperti *Zubirun* dan *Astaroth*, *Silkhannas* turut menerbitkan pita demo yang diedarkan secara pos dan dijual ketika *gig* (konsert). Kebanyakan kumpulan muzik Black Metal tempatan menerbitkan pita demo lagu Inggeris dengan rentak sama tetapi liriknya lebih cenderung kepada menceritakan ketahyulan, mistik dan petikan dongeng dan cerita rakyat. Contohnya kumpulan *Purnamawulan* dari Perak (difahamkan kumpulan ini sudah dibubarkan), menerbitkan pita demo mengandungi beberapa lagu puitis yang bersifat cerita hikayat seperti dalam lagu *My Bride of Silence*. Antara petikan liriknya ‘*Puteri Kinjang Emas ye beautiful name, for thou who do not know thou hidden mystic, how extensiving yer kingdom’s throne in the vast skies, the sparkling stars as yer guardiance at thine palace.*’³⁹

Walaupun lagu Black Metal tempatan tidak bersifat anti-ketuhanan dan pemujaan iblis, difahamkan ada juga yang menyanyikan lagu-lagu kumpulan pemuzik Black Metal luar negara yang bersifat sedemikian. Justeru, tidak hairanlah ramai yang terpengaruh untuk mengamalkan kegiatan yang tidak bermoral ini. Jika diteliti budaya ini, terdapat juga upacara-upacara yang menggambarkan aktiviti anti-agama dan tuhan seperti memakai salib terbalik (anti-Kristian) dan membakar al-Qur’an (anti-Islam).

Pluralisme Agama

Satu permasalahan yang melanda umat Islam di seluruh dunia dan tak terkecuali juga di Malaysia ialah pluralisme agama (*Religious pluralism*). *Plural* didefinisikan sebagai kewujudan sesuatu lebih dari satu. *Plurality* pula difahami sebagai keadaan yang terhasil dari banyak (entiti). Sementara itu Pluralisme pula didefinisikan sebagai fahaman yang berpegang kepada kewujudan banyak kebenaran yang muktamad (ultimate reality). *Religious pluralism* boleh difahami sebagai kewujudan bersama agama-agama di dalam satu tempat di masa yang sama. Ia juga boleh difahami sebagai fahaman yang berpegang kepada kewujudan banyak agama-agama yang mempunyai kebenaran yang muktamad.

Di dalam peristilahan bahasa Arab, terdapat dua istilah yang diguna pakai dalam merujuk kepada fenomena in; Prof. Yusof al-Qardawi misalnya menggunakan istilah *ta‘addidiyyah al-adyan* (kepelbagaian agama-agama), dan beliau memberikan istilah lain

yang mempunyai makna yang sama seperti *ta'addudiyyah al-adyan* dan *kathrat al-adyan*. Sementara itu satu lagi istilah bahasa Arab yang sering digunakan ialah *wahdat al-adyan* (kesatuan agama-agama). Jika dibandingkan dengan istilah yang digunakan dalam bahasa Inggeris, kesemua istilah dalam bahasa Arab itu mempunyai maksud yang hampir sama dan boleh dimasukkan ke dalam istilah pluralisme agama.

Implikasi dari fahaman pluralism agama ini menghasilkan dua arah aliran yang berpengaruh di era ini. Pertama, arah aliran yang berpandangan bahawa kewujudan bersama (*co-existence*) agama-agama di dunia ini dengan kepelbagaian sistem kepercayaan, pemikiran dan amalan hidup di samping mempunyai hak-hak yang sama dengan satu sama lain. Pegangan ini diamalkan oleh sebahagian besar negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi di dunia samada di negara yang majoriti orang Islam atau sebaliknya. Setiap agama diberikan hak-hak mereka dari segi amalan kepercayaan dan peribadatan bergantung kepada tahap sistem demokrasi yang diamalkan. Walau bagaimana pun hak-hak tersebut berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain. Namun di sesebuah negara yang berfahaman *atheism* seperti komunisme, hak-hak tersebut tidak diberikan langsung atau sangat minima. Aliran ini selari dengan istilah bahasa Arab *ta'addudiyyah al-adyan*.

Para pendokong aliran ini berfahaman exclusivism iaitu menolak segala bentuk kepercayaan dan amalan agama-agama lain sebagai mewakili kebenaran mutlak. Tiga agama samawi Yahudi, Kristian dan Islam boleh dianggap sebagai mewakili aliran ini kerana mereka menolak kebenaran muktamad yang dibawa oleh agama-agama lain. Dalam hal ini agama Yahudi paling exclusive kerana dakwaan agama mereka dihubungkan dengan bangsa Yahudi, lantas menafikan kewujudan dan kebenaran dalam agama Kristian dan Islam.

Sementara itu Islam mengiktiraf asal usul kewujudan Yahudi dan Kristian, terutama kitab Taurat, Zabur dan Injil sebagai mewakili kebenaran yang muktamad tetapi penganut-penganut mereka telah menokok tambah dan menyelewengkan kebenaran tersebut dengan mengubahsuai isi kandungan kitab-kitab tersebut. Dalam hal ini mereka dipanggil 'ahl al-kitab'. Kewujudan Yahudi dan Kristian dan juga agama-agama lain adalah diiktiraf dan hak-hak mereka termaktub dalam Islam. Istilah yang biasa diguna pakai merujuk kepada hal ini adalah 'wujud-bersama' (*co existence*)

Islam menegaskan bahawa agama sebenar di sisi Allah ialah agama Islam:

Sesungguhnya al-din di sisi Allah adalah al-din al-Islam (al-Qur'an, Ali Imran:19)

Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi. (Ali Imran:85)

..Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan telah Ku cukupkan ni'matKu kepada mu, dan telah Ku ridha'I islam itu jadi agama bagi mu..(al-Ma'idah:5).

Dalam surah al-Ma'idah disebutkan bahawa Allah telah menyempurnakan agama Islam kepada kita semua. Hal ini adalah kerana kesemua para nabi dan rasul bermula dari nabi Adam sehingga nabi Muhammad membawa agama Islam dengan satu risalah yang 'universal' iaitu mentawhidkan Allah, tetapi berlainan amalan (Syariat). Al-Qur'an menyebut tentang risalah universal ini dalam beberapa ayat seperti:

Dan (ingatlah), ketika Tuhan mu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): Bukankah Aku ini Tuhanmu?." Mereka menjawab: Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi..(al-A'raf:172)

(Nabi Nuh menegaskan):..dan aku disuruh supaya aku termasuk golongan orang-orang yang berserah diri (*al-muslimin*) (Yunus:72)

“..Katakanlah: “ sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tiada sekutu bagi Nya; dan demikian itulah yang diperintahkan kepada ku dan aku adalah orang yang pertama menyerahkan diri kepada Allah (*al-muslimin*) (al-An'am:163)

Allah telah menyempurnakan syariat-syariat terdahulu dengan kedatangan nabi Muhammad sebagaimana terkandung dalam kitab suci al-Qur'an dengan ditafsirkan oleh Nabi Muhammad sendiri. Tidak ada lagi syariat lain selepas dari nabi Muhammad justeru beliau adalah rasul dan nabi terakhir untuk umat manusia dan jin. Syari'at ini secara keseluruhannya tersimpul di dalam rukun Islam sebagaimana tersebut dalam hadis Iman, Islam dan Ihsan ketika Baginda disoal oleh malaikat Jibra'il.⁴⁰

Para sarjana Islam dahulu dan sekarang berpendapat bahawa agama Islam adalah agama yang benar kerana aspek risalahnya yang universal dibawa oleh kesemua nabi dan rasul, dan nabi terakhir adalah pelengkap kepada syariat-syariat terdahulu. Oleh itu untuk mencapai kebenaran yang mutlak dalam beragama 3 aspek yang disebutkan di dalam hadis diatas perlu dihayati secara menyeluruh.

Sementara itu aliran kedua yang agak baru dan menonjol dalam membincangkan permasalahan pluralisme agama dibandingkan dengan yang pertama ialah isu kebenaran yang mutlak (*ultimate truth*). Aliran ini tidak menekankan berapa banyak agama yang wujud tetapi mengiktiraf aspek kebenaran yang didakwa oleh setiap agama yang wujud di dunia ini. Dengan kata lain, setiap agama mempunyai aspek kebenaran mereka masing-masing. Hal ini adalah bertentangan dengan kepercayaan agama samawi seperti Yahudi, Kristian dan Islam bahawa mereka adalah satu-satunya agama yang benar di dunia ini. Natiujahnya, lahirlah berbagai-bagai aliran dan fahaman yang diasaskan atas isu kebenaran yang mutlak ini. Isu ini adalah satu isu kontroversi yang melanda masyarakat beragama di dunia ini terutamanya masyarakat Islam dan Kristian. Arah aliran ini menyamai istilah bahasa Arab ‘*wahdat al-adyan*’ atau kesatuan agama.

Pendokong aliran ini biasanya berfahaman *inclusivism* iaitu memasukkan aspek kebenaran setiap agama ke dalam skop penerimaan mereka tanpa mengira syariat. Walau bagaimana pun dalam kurun-kurun yang terakhir ini iaitu pada tahun 1965 selepas daripada Vatican Council ke-2 agama Kristian terutamanya gereja Katholik telah mula mengubah fahaman *exclusive* kepada fahaman *inclusive*. Karl Rahner (1904-1984) mula mempromosi idea ‘*anonymous Christians*’ (orang Kristian yang tidak rasmi) yang menganggap orang yang non-Kristian juga boleh dianggap sebagai Kristian terutama sekali golongan pagan dan juga penganut-penganut agama lain. Dokumen ini kenali sebagai *Nostra Aetate* yang disahkan oleh Vatican Council ke-2 merupakan titik permulaan bagi usaha menyatukan kesemua manusia di bawah agama Kristian. Tidak hairanlah upacara-upacara ritual kebudayaan penganut agama lain di Malaysia seperti pesta Pongal orang-orang India telah di ‘Kristiankan’ dan perayaan kebudayaan masyarakat orang-orang asli seperti Gawai telah mula diterapkan dengan ajaran-ajaran Kristian.

Jelasnya arah aliran kedua yang kontroversi ini telah menimbulkan masalah di negara-negara orang Islam termasuk juga Malaysia. Para ulamak telah menyuarakan pendapat mereka dengan lantang, salah seorangnya ialah;

“Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria berkata, sebarang penyebaran fahaman tersebut tidak seharusnya dibenarkan di kalangan ummah kerana umat Islam wajib bersifat eksklusif dan haram mencampuradukkan akidah serta ibadah Islam dengan agama lain.”

“Dalam al-Quran itu sendiri pun telah mengatakan bahawa agama yang diterima Allah ialah Islam, tetapi itu tidak bermakna kita bermusuhan dengan agama lain.”

Aliran yang kedua ini mempunyai banyak pecahan puak yang berbeza pendapat di antara satu sama lain. Kajian dalam perbandingan agama membahagikan berbagai pecahan dalam aliran ini seperti *Secular Humanisme*, *Global Theology*, *Syncretism*, *Perennial Philosophy*, *Sufism* (sebagai agama), *New Religious movement* dan lain-lain lagi.

Aliran *Secular Humanism* telah dipromosikan oleh Harvey Cox (lahir 1929), seorang professor di Harvard Divinity School sehingga persaraannya pada tahun 2009. Ideologi ini berpaksikan kepada faham manusia (*human*) itu sendiri yang merupakan agen yang paling penting dan utama (*human centric*) dalam alam ini. Asas utama fahaman ini adalah setiap perkara yang berlaku dan akan dilaksana mestilah dinilai oleh individu itu sendiri tanpa pertimbangan agama, budaya dan lain-lain lagi.⁴¹ Manusia adalah haiwan yang berfikir dan tujuan akhirnya adalah *survival* atau kemandirian untuk hidup. Untuk *survival*, manusia memerlukan kuasa (*power*) termasuk ekonomi dan politik. Beberapa isu penting seperti pluralisme agama, LGBT (*lesbian, gay, bisexual, transgender*) ditafsirkan mengikut neraca humanisme. Mereka menghalalkan aktiviti-aktiviti tersebut atas dasar hak asasi manusia (*human rights*) yang bebas dari nilai-nilai agama. Beberapa tokoh dengan fahaman ini adalah seperti Irshad Manji, Wafa' Sultan, *Ibn Warraq* (nama samaran) dan lain-lain lagi. Pada tahun 2007, kumpulan ini telah mengadakan perjumpaan yang dikenali dengan nama *St. Petersburg Secular Islam Summit*. Persidangan ini mengumpulkan ahli-ahli yang menyokong fahaman *Secular Islam*. Ibn Warraq telah mengasaskan satu intitusi yang bernama *Institute for the secularization of Islamic society (ISIS)*. Beliau telah menulis beberapa buah buku termasuk satu yang bertajuk "*Why I am not a Muslim*".⁴² Beberapa kumpulan di Malaysia yang bercakap dengan nada yang sama adalah 'Seksualiti Merdeka',⁴³ Sisters in Islam (SIS) dan lain-lain lagi.⁴⁴

Global Theology dan *World Theology* pula dipromosikan oleh Wilfred Cantwell Smith (1916-2000) dan dikembangkan lagi oleh John Hick (lahir 1922). Pandangan Smith bertitik tolak dari istilah agama (*religion*) yang difahami sebagai 'satu himpunan sistem-sistem kepercayaan, kebudayaan terhadap dan juga pandangan alam (*world-view*) yang menghubungkan manusia dengan alam kerohanian dan juga nilai-nilai moral.' Ia terbentuk dari masa dahulu, dan terus berkembang dari masa ke semasa mengikut kacamata seseorang atau kumpulan lalu disahkan benar (*legitimize*) oleh kumpulan tersebut. Walau bagaimana pun di 'tangan-tangan' kumpulan-kumpulan tertentu seperti fundamentalis, liberal, agama menjadi eksklusif kepada golongan tersebut dan mencetus konflik di antara satu sama lain dan juga antara agama. Bertolak dari hipotesis ini Smith mencadangkan agar makna agama

itu ditukar kepada ‘tradisi-tradisi kepercayaan’ atau ‘himpunan tradisi’ (*cumulative traditions*) dan juga ‘*faith*’ kerana ia boleh menampung perubahan-perubahan yang telah, bakal berlaku dan mencakup kepelbagaian kehidupan beragama penganutnya: taat, liberal, Skeptik, ortodoks, fundamentalis, di samping mengekalkan kepercayaan terhadap Tuhan. Oleh itu istilah-istilah tersebut sesuai digunakan kepada agama-agama yang ada seperti tradisi Yahudi, tradisi Kristian, Islam, Hinduisme, Buddhisme dan lain-lain lagi. Di sinilah asas pluralisme yang dicita-citakan oleh Smith di era globalisasi di mana dunia ini menjadi satu kampung yang global yang bersatu di bawah satu pegangan iaitu ‘*world theology*’ kerana ia lebih bersifat inklusif sedangkan istilah agama atau religion bersifat eksklusif. Seorang lagi tokoh pluralisme agama ialah John Hick yang membawa idea ‘*global theology*’. Teori ini seakan-akan ‘*world theology*’ yang dibawa oleh Smith, tapi subjek utamanya adalah kalimah ‘Tuhan’.

Syncretism pula dapat dianggap bermula dengan bermulanya agama Sikhism yang diasaskan oleh Kabir dan Guru Nanak pada abad ke 15M. Ia mencampuradukkan di antara agama-agama yang wujud di India pada masa itu seperti Islam, Hinduism, Buddhism dan Kristian. Walau bagaimana pun Sinkritisme telah pun berlaku dalam kumpulan Syiah seawal abad ke 7 M. Ia juga berlaku di antara agama dan sains moden seperti *Scientology* iaitu campuran antara Hinduism/Buddhism dan psikologi moden.⁴⁵

Perennial Philosophy pula dipromosikan oleh Thomas Huxley (1825-1895), Rene Guenon (1886-1951), Frithjof Schuon (1907-1998) dan lain-lain lagi. Nama-nama lain yang selalu diguna pakai bagi kumpulan ini adalah *philosophia perennis*, *Sophia perennis*, *religio perennis* dan lain-lain lagi. Istilah-istilah yang digunakan pula ialah ‘*the sole religion*’, ‘*the underlying religion*’ dan juga ‘*the religion of the heart*’. Mereka menganggap fahaman yang dianuti persis sebuah agama lalu dinamakan dengan istilah ‘*the underlying religion*’. Ia adalah kehendak beragama yang tersirat dalam setiap hati sanubari penganut agama-agama yang wujud di alam ini. Walau bagaimana pun oleh kerana ia hanyalah terpendam dalam hati, kumpulan ini menganggap agama ini bukanlah berbentuk formal seperti Yahudi, Kristian, Islam, Hinduisme, Buddhisme, Taoisme dan seterusnya. Di sinilah berlaku titik pertemuan di antara kumpulan ini dengan agama-agama dunia yang setiap penganut mempunyai fitrah beragama. Seorang pembawa fahaman ini yang bernama Lord Northbourne menulis:

“Lorong dan denai yang menuju ke puncak tertinggi berserakan luas di kaki gunung, tetapi mereka menjadi semakin hampir ketika pendakian ke puncak. Pendaki yang bijak akan mengikuti lorong yang dia lalui tanpa merasai terlalu bimbang dengan pendaki-pendaki yang

mendaki di laluan-laluan yang lain. Dia dapat melihat laluan dengan jelas tetapi begitu kabur dengan laluan yang diikuti oleh pendaki-pendaki lain. Beliau akan mengalami kerugian yang sangat besar sekiranya dia cuba mencari laluan lain yang lebih baik. Dia juga akan membazirkan waktu pendaki-pendaki lain sekiranya dia cuba memujuk mereka supaya mengikuti laluan dan meninggalkan laluan yang diikuti mereka walau pun dia begitu yakin yang laluan yang diikutinya adalah yang terbaik.⁴⁶

Penutup

Jika disorot sejak dari kewafatan Rasul Allah (S.A.W) hingga ke hari ini, terlalu banyak kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang muncul menggugat ajaran Islam. Ajaran dan kumpulan yang paling lama bertahan adalah Syiah lantaran pendekatan dan metodologi yang licik dan sistematik terhadap umat Islam. Ancaman mereka mula dirasai sekarang di Malaysia setelah berlakunya Revolusi Iran pada tahun 1979. Hal ini bertambah rumit kerana puak Syiah telah berjaya merekrut orang-orang Melayu menjadi penganut dan pendakwahnya. Strategi dan tindakan dari pihak berwajib adalah perlu untuk menyekat fahaman ini dari tersebar di Malaysia. Begitu juga ajaran-ajaran sesat di era moden dan pasca modernism, sinkritisme dan lain-lain lagi mula bertapak di Malaysia seperti Pluralisme agama, Sekular Humanisme dan lain-lain lagi yang mempunyai berbagai tren, aliran dalam muzik dan seni, dan lain-lain lagi. Para Ibu bapa, pendidik di peringkat tadika, sekolah rendah, menengah dan universiti perlu melengkapkan diri untuk menghadapi ajaran-ajaran sesat ini demi survival umat Islam di Malaysia.

¹ Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2013 Kali ke Tiga (SIGMA 3) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 28hb.September, 2013.

² Professor Madya di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa.

³ Peter Clarke, 'Introduction to New Religious Movements,' in Stewart Sutherland and P. Clarke, (ed) *The Study of Religion, Traditional and New Religion*, (London: Routledge, 1988), p.150.

⁴ 'Islam is the religion of the federation; but other religions may be practiced in peace and harmony in any part of the Federation.' Federal Constitution of Malaysia, Article 3(1).

⁵ So far, there is no record of any NRM founded by local non-Muslim citizens in Malaysia. However, there are NRM groups registered outside the country that attracted the non-Muslim Malaysian citizens, such as The Unification Church (UC), Bahaism, and Transcendental Meditation.

⁶ The Malaysian government specifically confines the *ahl al-sunnah wa al-jama'ah* or *sunnism* to the Ash'arite school of thought which was founded by Abu al-Ḥassan al-Ash'ari (d.324AH/936CE) who was the grandchild of the Prophet's companion Abu Musa al-Ash'ari. He was formerly a follower of the Mu'tazilite school for many years but abandoned it due to disagreement in many issues, such as the issues of human acquisition (*kasb al-insan*), God's justice (*al-'adalah al-ilahiyyah*), the essence and attributes of God (*dhat wa sifat Allah*). Preference is given to the *ahl al-sunnah wa 'l-jama'ah* by the Malaysian government is perhaps due to the nature of this school which takes a moderate position between a rigid Hanbalism and a liberal Mu'tazilism. Therefore, religious theological views that are not in line with this school of thought such as those of Mu'tazilism, Shi'ism and others will be sidelined.

⁷ AbdulFatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,1987).

⁸ Abdullah Hj.Abd Wahab, *Tentang dan Cabaran kepada Islam di Sepanjang Zaman*, (Ampang: Syarikat Yakin, 1985)

⁹ Abdullah Fahim bin Hj. Ab.Rahman, "Satu Analisis Perbandingan Antara Doktrin-Doktrin Dalam Ajaran Taslim, Ajaran Ahmad Laksamana dan Tarekat Naqsyabandiah kadirun Yahya", (Unpublished M.A thesis at the Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia (UKM). 1990).

¹⁰ Rahmat, H.O.K. *Pencemaran akidah di nusantara*,(Kuala Lumpur:DBP,1983).

¹¹ JAKIM is the short form of Jabatan Kemajuan Islam of Malaysia.

¹²The original definition in Malay language is This definition is also shared by other countries in South-east Asia like Singapore, Brunei, Indonesia and others as agreed in their meetings. This meeting is called 'unofficial meeting of ministers of religion of the state of Brunei Darussalam, Republic of Indonesia, Malaysia and Singapore (*Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura*) whose short form is MABIMS. Norarfan bin Haji Zainal, *Perkembangan Ajaran Sesat di Negara Brunei Darussalam*,(Brunei: Kementerian Hal Ehwal Ugama,Brunei Darussalam, 2007), pp.2-3; <http://baheis.islam.gov.my/web/musykil.nsf> retrieved on 10th February 2005

¹³More than 30 NRMs are listed by the JAKIM. <http://www.islam.gov.my/ppi/profil.html> retrieved on 10th February 2005

¹⁴ Peter Clarke, *New Religions in Global Perspectives*, (London: Routledge, 2006), pp. 165-185, 256-263. Said Amir Arjomand, "Social Change and Movements of Revitalization in Contemporary Islam", in James A. Beckford, (ed) *New Religious Movements and Rapid Social Change*,(London: SAGE publication, 1986), pp. 87-112.

¹⁵ Refer to <http://www.abim.org.my> retrieved on 10th February 2005

¹⁶ Refer to <http://www.jim.org.my> retrieved on 10th February 2005

¹⁷ The *anti-ḥadīth* movement in Malaysia was started by a Malay Muslim thinker called Kassim Ahmad. He produced literatures on this issue such as *Hadith: Satu Penilaian Semula* (Hadith: A Re-evaluation). His views

on the *hadith* are basically a replication of the views of such Orientalist scholars like I. Goldziher and J. Schacht. This movement is listed as ‘ajaran sesat by the Malaysian government which led to the subsequent banning of the book.

¹⁸ Roy Wallis, *The Elementary Forms of the New Religious Life*, (London: RKP, 1984); see also Stephen J. Hunt, *Religion in Western Society*, pp.148-149.

¹⁹ Ibid, pp.143-145.

²⁰ Abdullah Fahim bin Hj. Ab.Rahman, “Satu Analisis Perbandingan”, pp. 22-30.

²¹ This group believes that man is capable of producing extraordinary physical strength whose sources are located at seven points in his body. The extraordinary strength can be manifested by activating the seven points through utterance of specific Quranic verses, remembrance of God (*dhikr Allāh*), and by making some specific movements. According to this group, this is actually God’s help to mankind, or in Arabic it is called *al-ma’ūnah*, from which the group takes its name. This statement follows from an interview held with one of the ex-members of the *al-Ma’ūnah*.

²² Kaysan adalah satu kumpulan kecil Syi’ah yang diketuai oleh Mukhtar Ibn Abu ‘Ubayd al-Thaqafi. Dia mewakili anak Saidina ‘Ali yang bernama Muhammad (15H/635M-80H/700M), anak kepada perempuan bani al-Hanafiyah yang bernama Khawlah binti Ja’far, salah seorang dari isteri-isteri ‘Ali. Nama Kaysan diperoleh dari nama hamba yang berkhidmat di bawah Mukhtar.

²³ Zayd (76H/695-122H/740M) adalah cucu sayidina ‘Ali yang mempunyai penyokong dan membentuk satu kumpulan bergelar *Zaydiyyah* yang kebanyakannya beraliran Mu’tazilah dan membentuk kerajaan di Yaman (tidak ada nama khusus, dikenali dengan kerajaan Zaydiyyah). Hal ini disebabkan oleh Zayd pernah berguru dengan tokoh Mu’tazilah Wasil bin ‘Ata’ (82H/700M-130H/748M).

²⁴ Hasan ‘Askari, imam ke 11 dalam carta imam-imam Syiah, dikatakan telah berkahwin dengan Nargis seorang Kristian yang telah memeluk agama Islam. Narjis dikatakan berasal dari keturunan diraja kerajaan Kristian Byzantine dari sebelah bapanya. Dari sebelah ibunya, Narjis dikatakan berasal dari keturunan Simon Cephas (St. Peter), salah seorang dari 12 orang sahabat nabi ‘Isa. Dia juga dikatakan telah melahirkan Muhammad al-Mahdi al-muntazar yang akan berjuang menyelamatkan umat Islam di akhir zaman bersama-sama dengan ‘Isa a.s. Para penganut Syiah melihat ada pertalian rapat antara ‘Isa a.s dan al-Mahdi al-muntazar. Matti Moosa, *Extremist Shiites: The Ghulat Sects*, Syracuse: Syracuse University Press, 1988.hal.93; Meir M.Bar-Asher & Aryeh Kofsky, *The Nusayri-‘Alawī Religion*, Leiden: Brill,2002.

²⁵ Muḥammad Ibn Ya‘qūb al-Kulayni, *al-Uṣūl min al-kāfī*, 2 vols. 3rd edition by Ali Akbar al-Ghaffari. Tehran: Dar al-kutub al-Islamiyya, 1388/1968. 1:440 sebagaimana dinukil dan diterjemah dari Matti Moosa, *Extremist Shiites: The Ghulat Sects*, Syracuse: Syracuse University Press, 1988.hal.55.

²⁶ Baha’ al-din Haydar Ibn Ali Haydar al-‘Ubaydi al-Amuli. *Jami’ al-asrar wa Manba al-anwar*, sebagaimana dinukil dari Matti Moosa, *Extremist Shiites: The Ghulat Sects*, Syracuse: Syracuse University Press, 1988.hal.57.

²⁷ “Dan ingatlah, ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): Bukankah Aku Tuhanmu? Mereka menjawab: Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi”. (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: “sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lalai terhadap ini (keesaan Tuhan).(al-A’raf,172)

²⁸ Yang Esa adalah entiti yang kabur dan sukar difahami, kadang-kadang ia dinamakan Tuhan atau Yang Baik dan Cantik (*the Good and Beautiful*). Ia adalah suci dan mengatasi konsepsi makhluk dan kadang-kadang Dia mengatasi segala yang baik dan cantik. Yang kedua ialah Ruh (*Nous*) yang mempunyai daya berfikir atau ‘*aql* (*intellect, mind, logos*). Ia merupakan imej Yang Esa. Tanpa Yang Esa, Ruh (*Nous*) tidak akan ada walhalnya Yang Esa bukanlah penciptanya. Diibaratkan Yang Esa seperti matahari yang mempunyai cahaya (*Nous*). Cahaya wujud disebabkan matahari, sedangkan matahari tidak mencipta cahaya. Tetapi bila cahaya (*Nous*)

wujud dan menerangi, Yang Esa dapat melihat diriNya. Ibarat yang lain ialah Yang Esa mengenali dirinNya melalui fikiranNya iaitu *Nous*. Yang Esa tidak mencipta fikiranNya, tetapi dengan fikiran (*Nous*), Yang Esa memahami zatNya. Kadang-kadang ia juga dipanggil sebagai *'Aql Kudus*. Entiti yang ketiga yang bersumber dari Yang Esa pula ialah Jiwa (*Soul*), ia lebih rendah dari *Nous* tetapi adalah sumber dan pencipta bagi semua kehidupan jasmani. Dalam ibarat yang lebih mudah ia adalah aktiviti berfikir dalam fikiran (*Nous*) Yang Esa (*The One*). Dialah yang menjalankan aktiviti berfikir dan menjadi pencipta benda-benda seperti matahari, bulan, cakerawala dan kesemua benda yang boleh dilihat. *Soul* atau Jiwa sebenarnya dibimbing oleh *Nous* untuk merencana kehidupan di alam ini. Apabila dia mencipta dia adalah bebas tanpa ikatan tetapi dia juga boleh mengambil tempat di dalam jasad (*transmigration* atau *metempsychosis*) yang disukai dan sesuai dengannya. Jiwa (*Soul*) juga boleh meninggalkan jasad, dan jikalau dia bersalah maka dia akan memasuki jasad yang lain dan dihukum sama seperti kesalahan yang dilakukannya. Di dalam agama Kristian, entiti *The One* ialah Tuhan Bapa, *Nous* atau *Logos* ialah Jesus, dan *Soul* ialah Ruh Kudus. Ketiga-tiga mereka adalah tuhan yang bersatu.

²⁹“Ajaran sesat bertanya: Apakah nama-nama tuhan sebelum ianya bernama Allah? “...Semasa alam ini belum ada lagi dalam *ghaibul-ghuyub*; maka *tajalli* tuhan 4 sifat: *jalal, jamal, qahhar, kamal*. Masa itu tuhan bernama Ah. Kemudian tuhan menilik kepada dirinya: masa itu tuhan bernama Hua. Kemudian keluar cahaya daripada tuhan. Maka jadilah Nur Muhammad. Tatkala itu tuhan *tajalli* sebenar-benarnya meliputi Nur Muhammad. Masa itu tuhan bernama Allah. Bila Nur Muhammad jadi daripada Nur Allah maka dia mengatakan dia terlebih dahulu daripada Allah. Maka kata tuhan Aku terlebih dahulu daripada engkau dan *ana Allah la ilah illa ana* (Aku Allah tiada yang lain melainkan Aku). Aku sedia Tajalli dengan tiada permulaan. Dan engkau jadi ada permulaan. Sekarang cuba engkau menghilangkan diri: tapi tiada dapat. Bagaimana firman Tuhan dalam Qur'an, yang bermaksudnya: “Barang ke mana lari dan menyorok Nur Muhammad tidak terlepas di hadapan tuhan yang menjadikan seru sekian alam.” Maka berpeluhlah Nur Muhammad 6 titik dan jadilah daripada titik peluh Nur Muhammad yang pertama roh Abu Bakar menjaga kulit dan titik peluh Nur Muhammad yang kedua jadi roh Omar menjaga daging, dan titik peluh Nur Muhammad yang ketiga jadi roh Othman menjaga aurat, dan titik peluh Nur Muhammad yang keempat menjadi roh 'Ali menjaga tulang, dan titik peluh Nur Muhammad yang kelima menjadi pohon bunga mawar, dan titik peluh Nur Muhammad yang keenam jadi padi. Kemudian Nur Muhammad pula menyuruh Tuhan menghilangkan diri, maka Tuhan pun menaruh hijab (dinding) maka tiadalah dapat Nur Muhammad mencari dan memandang tuhan. Maka Nur Muhammad pun berteriak dan memanggil Tuhan dengan seruan Allah, Allah!! .. maka Tuhan tidak juga menjawab panggilan itu. Maka Nur Muhammad pun menambah lagi seruannya dengan perkataan Allahu Akbar, Allahu Akbar ... maka berfirman tuhan (*Alastu bi rabbikum*) maksudnya adalah engkau mengaku aku Tuhan kamu? (tulisan ayat ini salah-penyalin). Maka jawab Nur Muhammad (*Qalu bala*) maksudnya bahkan benarlah engkau tuhan aku. Engkaulah yang menjadikan aku (salah tulisan ayat yang menunjukkan ramai, Nur Muhammad hanya menunjukkan satu-penyalin). Maka tuhan pun membuka dinding (hijab) dan terlihatlah Nur Muhammad kepada Wajah Tuhan...” Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat*, hal. 81-82.

³⁰“Allah Ta'ala menciptakan sebuah pohon yang bercabang empat, disebut *Sajaratul-Yaqin*. Kemudian menciptakan Nur Muhammad di dalam dinding (sangkar) dari mutiara putih. Nur Muhammad itu berbentuk seperti seekor burung merak, diletakkan pada pohon tersebut. Ia bertasbih selama 40,000 tahun. Kemudian Allah menciptakan *Mir'atul-Haya* (cermin malu) yang diletakkan di mukanya. Ketika merak itu melihat, dilihatnya bayangannya sangat indah dan terhias. Maka malulah ia kepada Allah Ta'ala sehingga menitikkan keringat sebanyak enam tetes:

Dengan tetesan pertama Allah menciptakan Abu Bakar.

Dengan tetesan kedua Allah menciptakan Abu Umar.

Dengan tetesan ketiga Allah menciptakan Uthman.

Dengan tetesan keempat Allah menciptakan Ali.

Dengan tetesan kelima Allah menciptakan wiridan

(bacaan wirid sehabis salat, pen).

Dengan tetesan keenam Allah menciptakan beras.

Kemudian Nur Muhammad itu bersujud sebanyak lima kali. Maka jadilah sujud lima kali itu kewajiban salat fardu lima kali bagi Muhammad dan ummatnya. Kemudian sekali lagi Allah melihat Nur Muhammad itu, dan berkeringattalah kerana malunya kepada Allah Ta'ala. Keringat yang menetes dari hidungnya diciptakan Allah menjadi Malaikat. Keringat yang menetes dari mukanya diciptakan menjadi 'Arasy, bintang-bintang dan segala yang di langit. Keringat yang menetes dari dadanya diciptakan Allah menjadi para nabi dan rasul, syuhada, salihin dan ulama. Keringat yang menetes dari punggungnya diciptakan Allah menjadi Baitul-Ma'mur, Ka'bah, Baitul-Muqaddas dan tempat-tempat masjid lainnya. Keringat yang menetes dari kedua belikatnya diciptakan Allah menjadi umat Muhammad, iaitu orang Muslimin dan Muslimat, Mu'minin dan Mu'minat. Keringat yang menetes dari dua telinganya diciptakan Allah menjadi arwah orang-orang Nasrani, Yahudi, Majusi dan yang semisal dengan mereka iaitu orang athies (*mulhidin*), *jahidin* dan *munafiqin*. Keringat yang menetes dari ke dua kakinya diciptakan Allah menjadi bumi dari timur ke barat dan segala yang berada di dalamnya. Kemudian Allah berfirman kepada Nur Muhammad itu; Lihatlah ke mukamu hai Nur Muhammad! Maka melihatlah ia ke mukanya dan dilihatnya di mukanya cahaya, di belakangnya cahaya, di kanannya cahaya, di kirinya cahaya. Mereka itu adalah Abu Bakar, Umar, Usman, dan Ali Radiallahu Ta'ala'anhum. Kemudian Nur Muhammad itu pun bertasbih kepada Allah 70,000 tahun, kemudian Allah menciptakan Nur para nabi dari Nur Muhammad 'alayhissalam. Kemudian Allah melihat Nur Muhammad itu dan menciptakan arwah mereka, iaitu arwah para nabi dari keringat-keringat ruh Muhammad alayhissalam. Dan Allah menciptakan arwah umat para Nabi itu dari keringat arwah nabi-nabi mereka, iaitu arwah tiap-tiap umat diciptakan dari keringat arwah Nabi-nabinya dan seterusnya." Al-Imam Abdur-Rahim Ibn Ahmad al-Qadi, *Daqa'iq Akhbar fi dhikri al-Jannat wa al-Nar*, Misr, 1276H, hal. 2 sebagaimana dikutip dan diterjemah oleh Samudi Abdullah, *Analisa Kritis Terhadap Tasawwuf*, Singapura, 1987, hal.28-29.

³¹ Konsep *Mahdi* tidak wujud dalam al-Qur'an tetapi hanya wujud dalam beberapa hadith ahad yang sahih tapi bukan dari kitab sahih Bukhari dan Muslim. Hanya konsep *al-masih 'Isa* a.s (penyelamat) yang wujud dalam al-Qur'an. Konsep ini wujud dalam agama Kristian (chapter Isaiah,9:5-7).

³² W Mohd Azam, "The Development of the concept of Mahdism in the Malay Sunni World", *Journal of Islam in Asia*, vol.4, no.1, July 2007, hal.123-143.

³³ W Mohd Azam, "The Phenomenon of Meeting the Prophet in this World: The Malay Sufi Perception", dalam Thameem Ushama, (ed.) *Islamic Revealed Knowledge: Dimensions of Thought*, Kuala Lumpur:IIUM Press, 2011,hal.251-274.

³⁴ A.J. Hoover, *Friedrich Nietzsche: His Life and Thought*, Connecticut: Praeger Publisher, 1994.

³⁵ Huston Smith, "Post Modernism and the World's Religions", dalam Sharifah Shifa' al-Attas (ed.), *Islam and the Challenge of Modernity*, Kuala Lumpur: ISTAC, 1996. hal.485-534.

³⁶ W Mohd Azam, *Ajaran Sesat*, edisi ke 2, Kuala Lumpur: IIUM Press, 2009. hal.29-54.

³⁷ "Muzik revolusi terbaru yang lahir kesan dari percampuran rock dan pop itu, kini menjadi satu irama yang hangat diperkatakan. Ramai penyanyi tempatan sendiri kini gemar menjadikan irama itu sebagai konsep album mereka". Azian Adnan, "Lagu Barat berlirik lucu", *Berita Harian (Persada Seni)*, Ahad 23 Mac, 1997. hal.1-2.

³⁸ *Harian Metro*, 23 Julai 2001, hal. 7.

³⁹ *Harian Metro*, 14 Julai 2001, hal. 8.

⁴⁰ Hai Muhammad terangkan padaku tentang Islam!" Maka jawab Rasulullah: Islam iaitu hendaklah engkau menyaksikan bahawasanya tiada tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya Muhammad itu utusan Allah. Hendaklah engkau mendirikan solat, dan mengeluarkan zakat dan hendaklah engkau berpuasa dalam bulan Ramadan dan hendaklah engkau mengerjakan Haji ke Baitullah (Makkah), jika engkau berkuasa menjalaninya. Berkatalah orang itu: "Benar. Maka kami hairan, dia bertanya dan dia pula membenarkannya. Maka berkata orang itu lagi: "Terangkan pada ku tentang Iman". Jawab nabi: "Hendaklah engkau beriman kepada Allah, kepada para malaikat, kitab-kitabNya, kepada rasul-rasulNya, kepada hari Qiamat dan hendaklah engkau beriman kepada Qadar yang baik dan yang buruk." Berkata orang itu "Benar". Dia bertanya lagi : "Beritahu

pada ku apa itu Ihsan”. Jawab nabi: “Hendaklah engkau beribadat kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya, sekali-kali pun engkau tak dapat melihatNya. Maka sesungguhnya Dia melihat engkau....”

⁴¹ Asal usul ideologi ini dapat dijejaki seawal zaman Yunani kuno empat atau lima kurun sebelum kedatangan Nabi Isa (a.s). Ideologi ini dicanangkan oleh golongan *Sophist* (golongan yang mencari hikmah dan kebenaran), dengan membawa idea mengenai individu adalah penentu segalanya termasuk kebenaran.

⁴² Tokoh-tokoh lain yang menyertai persidangan ini ialah seperti Tawfiq Hamid, Afshin Ellian, Irshad Manji seorang lesbian, Wafa Sultan ahli psikiatri berketurunan Syiah ‘Alawiyyah dan lain-lain lagi. Keputusan persidangan terbut dikenali dengan nama *St.Petersburg Declaration* mempunyai beberapa resolusi seperti menolak undang-undang Shari’ah (*hudud*), menolak kewujudan mahkamah shari’ah, menolak pentadbiran oleh ulamak, menolak agama rasmi bagi sebuah Negara dalam apa bentuk sekali pun, menolak undang-undang murtad. Ini adalah kerana kesemua itu adalah bertentangan dengan artikel 18, dalam *Universal Declaration of Human Rights* yang terdiri dari 30 artikel.

⁴³ Pada bulan Ogos, 2008 masyarakat Islam tersentak dengan kewujudan satu kumpulan yang diberi nama ‘Seksualiti Merdeka’ (*independent sexuality*) yang bersama-sama menyambut perayaan hari kemerdekaan Malaysia yang ke-51. Tema sambutan mereka “*Our bodies, our rights*” (jasad kami, hak kami) menggambarkan bahawa pihak penganjur cuba menekankan bahawa amalan LGBT juga termasuk dalam hak-hak asasi manusia yang selama ini telah dipinggirkan dalam masyarakat dan juga undang-undang negara.

⁴⁴ Di negara-negara jiran, kumpulan ini telah berani menonjolkan diri sekurang-kurangnya di dalam aplikasi internet dengan mempunyai *website* dan *blog* tersendiri. Sebagai contohnya kumpulan yang mengidentitikan diri mereka sebagai ‘*fridae.asia*’ menampilkan kemunculan pada tahun 2001, mempunyai pautan dalam aplikasi *facebook*. Salah satu kumpulan yang menyokong aktiviti LGBT adalah ‘*Pinkdot.sg*’ berpangkalan di Singapura membuat kemunculan pada tahun 2009.

⁴⁵ Scientology berkisar mengenai *Thetan* (ruh) kemudiannya berpindah kedalam jasad dan terus terperangkap di dalamnya lantaran merasakan jasad itu adalah dirinya. Ingatan *thetan* tentang asal usulnya mula pudar kerana dipengaruhi oleh minda reaktif (*reactive mind*) yang menyekat minda analisis (*analysis mind*) dari mengingat asal usulnya. Ajaran tentang *thetan* atau jiwa ini agak sama dengan konsep *atma* (jiwa) dalam Hinduisme dan Buddhisme yang mempercayai jiwa telah terperangkap dalam jasad duniawi dan kelazatannya yang merupakan ilusi (*maya*) semata-mata. Justeru itu cita-citanya untuk mencapai kebahagiaan hakiki ‘*moksha*’ atau ‘*nirvana*’ telah terbantut. Seseorang harus menggambarkan dan meyakini bahawa hal yang demikian terjadi mengikut hukum *karma*, iaitu dalam kehidupannya yang terdahulu dia telah melakukan perkara-perkara yang buruk dan jahat. Teknik psikologi moden diperlukan untuk mengingatkan kembali *thetan* akan asal usulnya.

⁴⁶ Martin Lings (ed), *The Underlying Religion*, Bloomington: World Wisdom,2007. Hal.4.